



# Struktur semula program akademik

Bidang tidak relevan perlu dimansuh, diganti program baharu

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) menggugurkan 38 program akademik di 19 universiti awam (UA) seluruh negara kerana dilihat tidak lagi relevan dan tidak menjanjikan peluang pekerjaan terbaik kepada graduan mengundangi pelbagai persoalan kepada graduan serta masyarakat.

Langkah itu sebenarnya adalah satu usaha kerajaan untuk menangani lambakan graduan mengganggu termasuklah mengadakan saringan awal yang ketat terhadap program akademik yang hendak ditawarkan oleh universiti awam (UA) seperti yang dikatakan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, baru-baru ini.

Berdasarkan laporan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) pada tahun lalu pula menunjukkan hampir 60 peratus siswazah peringkat pengajian ijazah pertama dan ke atas masih menganggur selepas setahun menamatkan pengajian mereka.

Kadar pengangguran itu menyebabkan pelbagai polemik dilemparkan kepada mahasiswa sehingga ada pertikaian yang merendahkan mutu graduan UA tempatan dan tidak kurang juga yang menyalahkan universiti kerana tidak menyediakan program bertepatan dengan kehendak industri.

Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UITM), Muhammad Aznur Syah Azman, berkata universiti perlu menawarkan program pengajian mengikut keperluan industri kerana graduan pada hari ini yang akan memenuhi dan membentuk industri negara ini

pada masa yang akan datang.

Katanya, mahu atau tidak, universiti perlu membentuk graduan melalui program pengajian yang relevan dengan keperluan industri negara mahupun peringkat global bagi memastikan Malaysia sentiasa mampu untuk bersaing pada peringkat antarabangsa.

"Kita perlu faham bahawa ada sesetengah pekerjaan yang ada pada hari ini kemungkinan tidak akan wujud lagi pada masa akan datang disebabkan oleh perkembangan teknologi dari semasa ke semasa.

"Oleh itu, universiti memainkan peranan yang besar bagi memastikan anak muda tidak mensia-siakan wang, masa dan tenaga bagi mempelajari perkara ataupun kemahiran yang mungkin tidak relevan lagi pada masa akan datang," katanya. **Muka 3**

## Majikan tidak hanya melihat keputusan akademik

Dari muka 1

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi Media), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Norfarhana Samsugimi, turut sependapat bahawa universiti perlu sentiasa membuat semakan terhadap kurikulum masing-masing dan menawarkan program pengajian mengikut keperluan industri.

Katanya, setiap pelajar berharap mereka akan terus mendapat pekerjaan seiring dengan bidang yang dipelajari sebaik menamatkan pengajian, justeru universiti perlu mengkaji semula kursus yang ditawarkan kepada pelajar sama ada ia masih relevan dalam industri atau tidak.

"Majoriti pelajar pada hari ini sukar untuk mendapat pekerjaan dalam bidang yang dipelajari dan secara tidak langsung ia akan memberi kesan buruk kepada graduan dan universiti itu sendiri.

"Sewajarnya semakan terhadap kurikulum dan kandungan program akademik disemak secara kerap supaya universiti dapat membuat kepu-



Muhammad Aznur Syah Azman

tusan untuk menutup program akademik berkenaan atau mengganti dengan program baharu yang lebih bersesuaian dan memenuhi kehendak pasaran," katanya.

Pelajar Bachelor Sains Pembangunan Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nursyami Amirah Ahmad Haniff, berkata selain menyediakan program pengajian yang memenuhi kehendak industri, pelajar juga perlu memainkan peranan masing-masing dengan membabitkan diri dalam mana-mana program kerjasama antara universiti dan industri sebagai langkah tepat dalam



Norfarhana Samsugimi

proses penyediaan pelajar ke alam pekerjaan.

"Majikan pada hari ini tidak hanya melihat kepada keputusan akademik semata-mata tetapi juga kemahiran insaniah dan keunikan yang ada dalam diri setiap pelajar dan penyer-taan dalam pelbagai program itu dapat membantu memberikan nilai tambah kepada mereka.

"Selain itu, pembelajaran bersama pihak industri secara berkala juga dilihat dapat membantu menyediakan mahasiswa ke arah alam pekerjaan manakala peluang menjalani latihan praktikal pula membo-



Syed Mohamad Shahfiq Syed Mohd Suhaimi

lehkan pelajar mendapatkan tunjuk ajar dan bimbingan secara terus daripada penggerak industri," katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Syed Mohamad Shahfiq Syed Mohd Suhaimi, pula berpendapat kebanyakan program pengajian di universiti kini sudah tidak dapat memenuhi kehendak industri.

Katanya, ia dibuktikan dengan lambakan graduan yang masih tidak bekerja meskipun selepas berbulan-bulan menamatkan pengajian malahan

yang lebih malang hingga bertahun-tahun.

"Kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan perlu bekerjasama dengan pemain industri mahupun membuat analisis terperinci berkenaan dengan tenaga kerja yang diperlukan sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

"Pertukaran input dan output (berkenaan dengan keperluan pekerjaan/ kemahiran) dari pihak universiti melalui pihak Kementerian dan pemain industri juga perlu sejajar dan konsisten," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan graduan hari ini lari daripada bidang masing-masing dalam memilih pekerjaan masing-masing kerana tekanan hidup, sekali gus menyebabkan ilmu yang dipelajari tidak digunakan secara efisien.

"Program pengajian yang tidak lagi relevan perlu untuk dimansuhkan dan digantikan dengan program baharu sebagai persediaan menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) seperti kecerdasan buatan (AI), sekuriti maya dan sebagainya," katanya.